

KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 6 TAHUN 2007

KENAIKAN KADAR BANTUAN SARA HIDUP

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan melaksanakan keputusan Kerajaan meluluskan kenaikan kadar Bantuan Sara Hidup.

LATAR BELAKANG

2. Kerajaan telah memperuntukkan pemberian Bantuan Sara Hidup melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 28 Tahun 2005 dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2006. Kenaikan kadar dan penambahbaikan pelaksanaan Bantuan Sara Hidup adalah bertujuan untuk meningkatkan kesejahteraan dan kebajikan Pegawai Perkhidmatan Awam.

PELAKSANAAN

Pegawai Yang Layak

3. Pegawai yang layak Bantuan Sara Hidup adalah seperti berikut:
 - a. Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Sokongan;
 - b. lantikan tetap, sementara, sambilan, sangkut, kontrak dan guru sandaran;
 - c. diluluskan sebarang jenis cuti bergaji penuh;
 - d. diluluskan sebarang jenis cuti separuh gaji dibayar atas kadar separuh;
 - e. diluluskan Cuti Belajar Bergaji Penuh di dalam negara dibayar mengikut lokasi institusi pengajian;
 - f. diluluskan Cuti Belajar Separuh Gaji di dalam negara dibayar atas kadar separuh mengikut lokasi institusi pengajian; atau
 - g. diperuntukkan Rumah Kerajaan dalam lingkungan 25 kilometer dari tempat kerja (pejabat) dibayar atas kadar separuh daripada pegawai yang tidak diperuntukkan Rumah Kerajaan.

Pegawai Yang Tidak Layak

4. Pegawai yang tidak layak Bantuan Sara Hidup adalah seperti berikut:
 - a. Kumpulan Pengurusan Tertinggi;
 - b. memangku atau dipinjamkan untuk menyandang jawatan Kumpulan Pengurusan Tertinggi;
 - c. dibayar Bayaran Insentif Wilayah;
 - d. berada dalam skim saraan agensi yang diasingkan pengurusan saraannya;
 - e. dipinjamkan ke badan antarabangsa atau syarikat swasta;
 - f. dibayar Elaun Perbezaan Sara Hidup;
 - g. diluluskan cuti belajar di luar negara melebihi satu tahun; atau
 - h. bercuti tanpa gaji.

Kaedah Pelaksanaan dan Kadar

5. Bantuan Sara Hidup dibayar mengikut:
 - a. tempat kerja (pejabat) pegawai; atau
 - b. institusi pengajian bagi pegawai yang diluluskan cuti belajar dalam negara.
6. Kadar baru Bantuan Sara Hidup adalah ditetapkan seperti di **Jadual** berikut:

Jadual: Kadar Baru Bantuan Sara Hidup

Kawasan	Kadar Baru Sebulan (RM)
Kawasan A	300
Kawasan B	200
Kawasan Lain	100

7. Kawasan A dan B adalah berdasarkan kawasan pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan seperti di **Lampiran A**.
8. Pembayaran Bantuan Sara Hidup hendaklah dibuat secara *proportionate* dalam keadaan di mana perkhidmatan atau penempatan pegawai tidak genap satu bulan.

TARIKH KUAT KUASA

9. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **1 Julai 2007**.


PEMBATALAN

10. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 28 Tahun 2005 dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2006 adalah dibatalkan.

PEMAKAIAN

11. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(TAN SRI ISMAIL ADAM)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

15 Jun 2007

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y. B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

LAMPIRAN A

Kawasan A

Negeri	Dewan Bandaraya/ Majlis Bandaraya/ Majlis Perbandaran/ Perbadanan
Wilayah Persekutuan	Kuala Lumpur dan Putrajaya
Pulau Pinang	Pulau Pinang dan Seberang Perai
Selangor	Ampang Jaya, Kajang, Klang, Petaling Jaya, Selayang, Sepang, Shah Alam dan Subang Jaya
Johor	Johor Bahru

Kawasan B

Negeri	Majlis Bandaraya/ Majlis Perbandaran
Johor	Batu Pahat, Johor Bahru Tengah, Kluang, Kulai dan Muar
Kedah	Alor Star, Kulim, Langkawi dan Sungai Petani
Kelantan	Kota Bharu
Melaka	Alor Gajah, Bandar Melaka dan Jasin
Negeri Sembilan	Nilai, Port Dickson dan Seremban
Perak	Ipoh, Kuala Kangsar, Manjung, Taiping dan Telok Intan
Pahang	Bentong, Kuantan dan Temerloh
Perlis	Kangar
Terengganu	Kemaman dan Kuala Terengganu